

TPM minta Myanmar terima syor ASEAN

UM 17 JUN 2003

KUALA LUMPUR 16 Jun — Datuk Seri Abdullah' Ahmad Badawi meminta Myanmar menerima cadangan ASEAN supaya membebaskan pemimpin prodemokrasi negara itu, Aung San Suu Kyi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini tidak bermakna rakan-rakan ASEAN yang lain ingin campur tangan dalam urusan dalaman negara itu, tetapi semata-mata membantu menyelesaikan isu yang timbul.

"ASEAN tidak pernah ada niat untuk ketepikan polisi tidak campur tangan.

"Tetapi sudah tentu

mereka mahu berbunuhan dengan Myanmar secara konstruktif bagi membantu mengatasi apa sahaja masalah yang berlaku di negara itu," katanya kepada pemberita selepas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan persidangan tahunan Minyak dan Gas Asia, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada polisi tidak campur tangan oleh ASEAN dalam menyelesaikan isu negara-negara anggota akan dikaji semula ekoran krisis di Myanmar.

Isu Myanmar kembali mendapat perhatian du-

nia apabila junta tentera negara berkenaan bertindak menahan pemimpin prokemerdekaan, suu Kyi.

Tindakan itu diambil setelah berlaku pergaduhan antara sekumpulan penyokong Suu Kyi dengan kumpulan penunjuk perasaan prokerajaan.

Pem bebasan

Kejadian itu mengakibatkan empat orang terbunuh dan 50 yang lain cedera.

Ekoran itu, Wakil Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail telah ke negara itu dalam usaha mendapat-

kan pembebasan Suu Kyi.

Abdullah menegaskan, ASEAN masih berpendapat bahawa apa juga isu yang membabitkan negara anggota perlu diselesaikan secara penglibatan konstruktif.

Malah beliau juga percaya, Myanmar masih menerima negara anggota ASEAN lain sebagai rakan yang boleh dipercayai.

"Selepas bertahun kita memajukan penglibatan konstruktif, kita amat memandang berat apa yang berlaku di Myanmar.

"Dan saya mahu melihat Myanmar menerima cadangan ASEAN secara positif," ujarnya.